

**Jangan perlekeh hak jagaan anak antara agama, Najib ditegur  
Malaysian Insider  
Jun 13, 2014**

Putrajaya perlu menyediakan penyelesaian jangka panjang bagi perbalahan hak penjagaan anak antara agama dengan meminda undang-undang berkaitan penukaran unilateral, seorang ahli Parlimen DAP berkata hari ini, sambil menambah penyelesaian oleh perdana menteri agar perkara itu dibawa ke Mahkamah Persekutuan adalah memperlekehkan isu penting ini.

Ahli Parlimen Ipoh Barat, M Kula Segaran (gambar) mempersoalkan mengapa undang-undang berkaitan tidak dipinda walaupun keputusan Kabinet 2009 mengharamkan penukaran agama kanak-kanak di bawah umur.

Beliau berkata malah bekas menteri de facto Undang-undang Datuk Seri Nazri Aziz menggesa pindaan undang-undang bagi menangani isu penting penukaran unilateral kanak-kanak.

"Pada 2009, saya mempersoalkan keberkesanan arahan Kabinet, kerana ia hanya bersifat nasihat. Ia tidak mempunyai kesan undang-undang. Tiada siapa peduli untuk mematuhi.

"Jika tidak, wanita dalam dua kes berkenaan tidak akan melalui begitu banyak penderitaan, kesakitan emosi dan tekanan.

"Tetapi mengapa undang-undang berkaitan tidak dipinda hingga ke hari ini? Ia jelas menunjukkan kerajaan tidak mempunyai kesungguhan menyelesaikan isu ini," kata beliau dalam satu kenyataan hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sebelum ini menggesa ibu bapa terlibat menggunakan proses undang-undang sedangkan aturan Mahkamah Sivil berbeza daripada Mahkamah Syariah.

Merujuk kepada pertempuran hak penjagaan anak yang melibatkan S Deepa di Seremban dan M Indira Gandhi di Ipoh, Najib berkata kedua-dua pihak boleh merayu kepada Mahkamah Persekutuan sekiranya terdapat pertikaian.

"Mereka boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan. Memandangkan perkara ini menarik perhatian orang ramai, kerajaan yakin mahkamah akan memberi keutamaan kepada kes-kes ini," perdana menteri dipetik sebagai berkata.

Bagaimanapun, Kula berkata nasihat Najib itu mengecewakan dan memperlekehkan perkara itu kerana beliau hanya mencari "jalan mudah" dengan meminta pihak terlibat pergi ke mahkamah untuk penyelesaian, sedangkan langkah itu sudah diambil dan tidak berjaya.

"Adakah dia serius berfikir dia berlaku adil? Adakah dia benar-benar memahami keseluruhan isu? Kes hak penjagaan anak memang sudah berlangsung di mahkamah, tidak perlu PM mengulangi perkara yang sudah jelas," kata naib pengerusi DAP Kebangsaan itu.

"Keseluruhan isu boleh diselesaikan jika kerajaan meminda undang-undang seperti yang dijanjikan supaya akan ada penyelesaian jangka panjang mengenai isu itu. Pergi ke mahkamah untuk mencari penyelesaian adalah mahal dan memakan masa," kata Kula.

Beliau menegaskan dalam kes Indira, perebutan hak penjagaan terhadap bekas suami yang memeluk Islam, Muhammad Ridzuan Abdullah terhadap tiga orang anaknya bermula pada 2009 di Mahkamah Tinggi Ipoh.

Dia kemudian pergi ke Mahkamah Rayuan dan akhirnya Mahkamah Persekutuan. Kes ini kini kembali di Mahkamah Tinggi pada pengakuran kerana si bapa enggan mengembalikan anak bongsu mereka, Prisana Diksa kepada ibunya.

"Mendapat perintah akur selepas pertempuran mahkamah yang panjang, polis tidak membantu untuk menguatkuasakan perintah akuran bagi mendapatkan mengesan kanak-kanak itu," tambah Kula.

Kula juga mengkritik saranan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar agar kanak-kanak yang terlibat dalam pertempuran hak penjagaan diletakkan di rumah kebajikan sehingga mahkamah menyelesaikan semua isu.

"Ia jelas Ketua Polis Negara melangkaui bidang tugasnya dan mengambil peranan sebagai aktivis sosial."

"PM perlu memanggil Ketua Polis Negara dan memberitahunya agar memberi impak kepada undang-undang dengan menguatkuasakan perintah pengakuran. Beliau harus mengarahkan Ketua Polis Negara menjalankan mengikut faktor mengapa beliau dilantik dan diapa yang ditugas telah dilantik dan dibayar oleh pembayar cukai," katanya.

Khalid dipetik berkata semua kes melibat hak penjagaan anak di antara dua sistem undang-undang – Syariah dan sivil – pihak polis tidak mahu "terperangkap di tengah-tengah".

Beliau kemudian mengulangi polis tidak akan menguatkuasakan perintah daripada kedua-dua mahkamah iaitu Syariah dan sivil, menegaskan kedua-duanya setaraf, justeru tidak adil untuk memilih satu daripada dua. – 13 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/jangan-perlekeh-hak-jagaan-anak-antara-agama-najib-ditegur>